

21 JAN 2002

Mahathir-Projek

PROJEK GSB TIDAK LIBATKAN SINGAPURA, KATA DR MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) yang dicadang akan dibina di pesisiran Tanjung Puteri di sini tidak akan melibatkan Singapura.

Oleh itu, katanya, Malaysia tidak perlu mendapatkan persetujuan kerajaan Singapura bagi membangunkan projek itu yang antara lain melibatkan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) yang baru.

"Yang ini (projek) tidak melibatkan Singapura, Ini kita punya, kita buat di sebelah Malaysia, tak payah minta persetujuan," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai projek pembangunan GSB di Bukit Cagar hari ini.

Dr Mahathir telah ditanya sama ada Malaysia perlu mendapatkan persetujuan kerajaan Singapura untuk membangunkan projek itu.

Taklimat mengenai projek yang bakal dimajukan oleh sebuah syarikat swasta, Gerbang Perdana Sdn Berhad itu disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Eksekutif syarikat itu, Datuk Yahya Abdul Jalil.

Dr Mahathir juga berkata beliau percaya hubungan dua hala antara Singapura dengan Malaysia tidak akan terjejas dengan pelaksanaan projek itu.

Katanya, apa yang penting dalam pelaksanaan projek itu ialah memastikan tiada siapa yang akan rugi.

Beliau berkata pada dasarnya kerajaan pusat telah menerima cadangan pembinaan projek itu dan berpuas hati dengan konsep dan plan reka bentuknya.

"Setakat ini ia nampaknya baik, kerajaan dah terima cadangan daripada Gerbang Perdana, jadi kita nak pertimbangkan tetapi kita belum buat keputusan lagi," katanya.

Dr Mahathir juga percaya dengan pembinaan projek itu, masalah kesesakan lalu lintas di Tambak Johor yang dialami bandar raya Johor Bahru selama ini akan dapat diatasi.

"Kesesakan di pintu masuk ke JB ini nampaknya sudah sampai ke tahap yang tidak boleh diterima dan sekurang-kurangnya ini akan menyelesaikan kesesakan," kata beliau.

Ketika ditanya bila projek itu akan dimulakan dan bagaimana kerajaan akan membiayai kos pembangunan projek itu, Dr Mahathir berkata: "Seberapa cepat yang boleh. Kita belum menyiapkan apa-apa lagi... kita cari peruntukan dari mana-mana, daripada swasta ke atau kerajaan asalkan kita dapat melakukannya."

Dalam taklimat kira-kira 30 minit itu, Yahya berkata projek GSB melibatkan keluasan 38.65 hektar termasuk pembinaan kompleks KIK bersepadu, mendalamkan laluan air di Selat Tebrau dan pembinaan jambatan dan stesen kereta api.

Projek yang masih belum diketahui kosnya itu akan menggunakan konsep "fast track" dan dijangka dapat disiapkan pada penghujung tahun 2005.

Ia akan turut melibatkan pembinaan enam persimpangan bertingkat dan kerja menaikkan taraf beberapa batang jalan di sekitar bandar raya ini, kata Yahya.

Menurutnya, faedah yang bakal dinikmati Johor khasnya dan negara amnya ialah daripada segi faedah ekonomi, alam sekitar, keselamatan dan pelancongan selain dapat mengurangkan kesesakan di bandar raya ini.

-- BERNAMA

RAM NMO